

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 8 OGOS 2018 (RABU)**

**SOALAN : 4**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pakaian pramugari MAS sesuai dengan imej Malaysia yang agama rasminya adalah Islam. Nyatakan jenis-jenis pakaian pramugari MAS serta aspek pelanggaran syariah yang dikenalpasti.

## JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat penerbangan perlu mematuhi standard keselamatan antara lain termasuk pengungsian kecemasan (*emergency evacuation*) dalam tempoh masa yang ditetapkan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasan Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan *International Civil Aviation Organization* (ICAO).

Dalam hubungan ini, CAAM menyatakan salah satu keperluan bagi memperolehi siji keselamatan, syarikat penerbangan perlu memakai pakaian seragam yang membolehkan pramugara dan pramugari menjalankan tugas-tugas keselamatan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam asalkan mematuhi kriteria seperti berikut :

- (i) pakaian seragam mampu menjalankan tugas semasa pengungsian kecemasan (*emergency evacuation*); dan
- (ii) keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kesesuaian dan imej korporat masing-masing.

Selari dengan identiti *Malaysian Hospitality* yang diamalkan oleh Malaysia Airlines Berhad (MAB), pakaian seragam baju kebaya yang dipakai oleh para pramugari adalah mencerminkan budaya Malaysia yang menonjolkan layanan mesra kepada para pengguna penerbangan berkenaan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan tiada sebarang halangan langsung bagi mana-mana syarikat penerbangan untuk menetapkan pakaian pramugari yang menepati kehendak syariah Islam selagi mana ia mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh CAAM.